



SIARAN MEDIA

LAWATAN KERJA MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI KE *ASPIRING STONG GEOPARK* KELANTAN

YB. Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli telah mengadakan lawatan kerja ke *Aspiring Stong Geopark (ASG)* Kelantan pada 9 Jun 2022 anjuran Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk melihat persediaan Stong ke arah pengiktirafan sebagai Geopark Kebangsaan. ASG merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh KeTSA untuk memelihara kawasan geologi (geotapak) berkepentingan dan mempunyai nilai sejarah serta kaya dengan warisan budaya, seterusnya dibangunkan secara mampan.

Konsep Pembangunan Geopark memberi penekanan kepada penggunaan secara seimbang bagi tujuan pemuliharaan sumber warisan semula jadi, pendidikan dan pembangunan mampan serta membantu dalam menjana ekonomi komuniti setempat melalui penyertaan dalam aktiviti geopelancongan.

ASG yang berkeluasan 2,132 kilometer persegi ini akan meliputi Daerah Kuala Balah, Daerah Batu Melintang dan Daerah Jeli dalam Jajahan Jeli serta Daerah Dabong dalam Jajahan Kuala Krai. Terma "Aspiring Geopark" yang digunakan adalah merujuk kepada kawasan atau geotapak yang telah dikenal pasti berpotensi untuk dicalonkan sebagai Geopark Kebangsaan tetapi belum mendapat pengiktirafan.

Stong dikenal pasti berpotensi untuk diangkat sebagai Geopark Kebangsaan atas keunikan geologi dan landskap yang dimiliki. Daripada kajian yang dijalankan oleh JMG, Jawatankuasa Saintifik dan Pemuliharaan Stong Geopark, didapati wujud batuan rejaman termuda di Semenanjung Malaysia yang dikenali sebagai Kompleks Migmatit Stong yang merupakan beberapa siri rejaman magma yang membentuk batuan igneus.

Selain itu, kewujudan landskap perbukitan batu kapur memperlihatkan ciri-ciri dan menjelaskan proses pembentukan kars di Kompleks Gua Ikan, Gunung Reng dan Gua Setir.

Proses luluhawa batuan granit yang membentuk beberapa bentuk kubah (granit) tinggi di sebahagian besar Stong pula menyediakan satu pemandangan landskap yang indah dan dilitupi oleh ekosistem tumbuhan yang berbeza dengan kawasan rendah. Stong turut terkenal dalam kalangan pengunjung dengan Air Terjun Jelawang bertaraf antarabangsa kerana mempunyai nilai estetik yang sangat tinggi, iaitu ketinggian terjunan bertingkat air adalah antara yang tertinggi di rantau Asia Tenggara.

Kajian JMG telah mengenal pasti sebanyak 25 geotapak dalam kawasan ASG. Untuk program pada 9 Jun 2022 ini, empat (4) kawasan dipilih untuk dilawati oleh YB Menteri Tenaga dan Sumber Asli disebabkan keunikan pembentukan batu kapur dan keindahan landskap di Gua Ikan, Gunung Stong, Lata Renyok dan Gunung Reng.

Dalam ucapannya, beliau melahirkan pengharapan dengan inisiatif ASG dan pengiktirafan sebagai Geopark Kebangsaan kelak, Geopark Stong dapat dipromosikan pada peringkat nasional dan memacu aktiviti ekonomi setempat yang mana faedahnya nanti adalah kepada komuniti setempat juga.

KeTSA akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kelantan dalam membangunkan Geopark Stong. Pada tahun 2022, di bawah Program Pemerkasaan Ekopelancongan Sumber Asli, sebanyak RM300,000 telah diperuntukkan kepada ASG bagi kerja-kerja pembinaan mercu tanda dan menaiktaraf prasarana pengunjung di Gua Ikan, Gunung Stong dan Gunung Reng.

Selain itu, dalam *Rolling Plan 3 Tahun 2023 Rancangan Malaysia Ke-12*, KeTSA telah memohon peruntukan RM8.7 juta daripada kerajaan untuk meneruskan kajian saintifik dalam mengenal pasti potensi geotapak-geotapak di seluruh Malaysia termasuk ASG diangkat ke peringkat antarabangsa.

Bagi membuka peluang penglibatan komuniti dalam aktiviti geopelancongan Stong, KeTSA juga menganjurkan kursus geoguide kepada komuniti setempat. Seramai 60 orang dalam kalangan komuniti setempat termasuk orang asli akan dijemput menyertai Kursus Geoguide Stong Geopark yang dijadualkan diadakan pada suku ketiga tahun 2022. Kursus ini bertujuan memberi kemahiran, latihan dan pengetahuan kepada komuniti seterusnya meningkatkan kebolehpasaran mereka sebagai jurupandu geo.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

9 JUN 2022

No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my

